

Premis jual 'ghost smoke' kena serbu

ALOR SETAR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah membuat serbuan di sebuah premis pemborong barang mainan dan makanan ringan di Bukit Pinang, di sini kerana disyaki menjual gula-gula *ghost smoke* semalam.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kedah, Omar Ismail berkata, pemeriksaan di gudang terbabit bagaimanapun tidak menemukan gula-gula yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok seperti tular di laman sosial di premis itu.

Bagaimanapun menurutnya, pemilik premis premis mengakui pernah menjual gula-gula itu dua

hingga tiga bulan lepas kepada orang awam.

"Pemilik premis mendakwa telah menjual 184,320 paket gula-gula itu di sekitar Kedah, Perak dan Sabah dengan harga sekotak RM4.60 dan dijual RM6.30.

"Bagaimanapun, pemilik premis mendakwa terpaksa mengambil keputusan menghentikan jualan gula-gula itu berikutan berdepan saingan dengan pemborong lain dan harga produk menurun," katanya.

Sebelum ini, video murid sekolah menikmati gula-gula yang mengeluarkan asap seolah-olah rokok yang dijual secara terbuka kepada murid sekolah tular di laman sosial.